

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [BANGI]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pembayaran balik pinjaman PTPTN oleh pelajar dan bayaran faedah oleh PTPTN ke atas pinjaman untuk tahun 2020 dan tahun 2021 (statistik terkini) dan polisi yang akan diambil untuk memperkuuh kedudukan kewangan PTPTN.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh dua tahun terkini, PTPTN telah menerima **bayaran balik** pinjaman sebanyak lebih RM2.94 bilion, merangkumi RM1.35 bilion untuk tahun 2020 dan RM1.59 bilion untuk tahun 2021, iaitu sehingga 30 September. Dengan mengambil kira pelaksanaan penangguhan bayaran balik pinjaman yang dilaksanakan berikutan penularan wabak COVID-19, jumlah keseluruhan kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN yang telah diterima sehingga 30 September 2021 adalah kira-kira RM22.53 bilion.

Dari segi **bayaran faedah** oleh PTPTN ke atas pinjaman pula, untuk tahun 2020 dan tahun 2021, sehingga 30 September 2021, lebih RM2.5 bilion bayaran faedah yang telah dikenakan, merangkumi bayaran kos keuntungan atau faedah pembiayaan dan bayaran Kos Kupon ke atas Sukuk PTPTN.

## **SOALAN NO : 14**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah merangka beberapa strategi bagi memastikan kelestarian dana pembiayaan PTPTN antaranya:

- (i) **Memperhebatkan strategi meningkatkan bayaran balik pinjaman dengan mempelbagaikan saluran strategik dan inovatif.** PTPTN menyediakan pelbagai platform pembayaran bagi memudahkan peminjam membuat pembayaran balik termasuk bayaran balik sama ada melalui kaunter, perbankan internet dan juga bayaran secara dalam talian.
- (ii) **Memberikan insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN 10 hingga 15 peratus** bermula 1 November 2021 hingga 30 April 2022 kepada peminjam yang layak;
- (iii) **Melaksanakan perkongsian data dalam kalangan agensi** bagi memperhebat kutipan bayaran balik daripada mereka yang berada di sektor swasta dan bekerja sendiri. Kerjasama telah dilaksanakan dengan beberapa buah agensi seperti Jabatan Akauntan Negara (JAN), Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan majikan swasta untuk membuat potongan gaji kakitangan mereka;
- (iv) **Menggalakkan kerjasama dengan kerajaan negeri.** Pelbagai kempen juga telah dilaksanakan bagi menggalakkan bayaran balik, yang terkini ialah insentif Kerajaan Negeri Sarawak membantu membuat bayaran balik tambahan sebanyak 30 peratus lagi kepada peminjam anak Sarawak yang telah membuat bayaran sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman; dan
- (v) **Mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan melalui simpanan pendidikan melalui akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).**

Sekian, terima kasih.